

**Bahagian A**  
**[20 markah]**

Jawab semua soalan berikut.

**Soalan 1 - 4**

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut dengan memilih jawapan yang sesuai

	<b>Pernyataan</b>	<b>Istilah</b>
1.	Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT.	
2.	Kesepakatan para ulama mengenai sesuatu hukum syarak berasaskan al-Quran dan as-Sunnah selepas kewafatan Rasulullah SAW.	
3.	Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT.	
4.	Unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan dan pengambilan anak angkat.	

**Soalan 5 -8**

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

5. Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan \_\_\_\_\_.
6. Semasa pembukaan Kota Mekah, Nabi Muhammad SAW merupakan seorang yang \_\_\_\_\_ kerana tidak pernah membalas dendam meskipun berkuasa menuntut balas.
7. Islam mensyariatkan hukuman sebat 40 kali kepada peminum arak bertujuan untuk memelihara \_\_\_\_\_ manusia.
8. Manusia pertama yang dicipta oleh Allah SWT adalah diambil daripada \_\_\_\_\_.


**Soalan 9 - 12**

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **BETUL** dan ( X ) pada pernyataan yang **SALAH**

	<b>Pernyataan</b>	✓ atau x
9.	Orang bukan Islam tidak dijamin keselamatan dan kebebasan jika tinggal di dalam negara Islam.	
10.	Peranan seorang isteri ialah mengurus hal ehwal rumah tangga seperti menjaga harta suami dengan baik.	
11.	Hiburan dalam Islam menjurus kepada kebaikan sekiranya dilaksanakan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.	
12.	Seorang khalifah hendaklah sentiasa mengutamakan kepentingan keluarga daripada kepentingan umum.	

**Soalan 13**


Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan asas pergaulan.



13. A ialah \_\_\_\_\_.

**Soalan 14 hingga 15**

Lengkapkan rajah berikut berkaitan konsep hiburan menurut Islam.




14. B : \_\_\_\_\_

15. C : \_\_\_\_\_

**Soalan 16 hingga soalan 17**

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan.



16. D : \_\_\_\_\_

17. E : \_\_\_\_\_

**Soalan 18 hingga soalan 20**

Lengkapkan jadual berikut berkaitan prinsip-prinsip Negara Islam


<b>PRINSIP-PRINSIP NEGARA ISLAM</b>	
Musyawarah (Al-Syura)	18. _____
19. _____	20. _____

**Bahagian B**  
**[80 markah]**

Jawab **empat** soalan sahaja.

1. (a) i. Nyatakan maksud manusia sebagai hamba Allah SWT. [2 markah]
- ii. Antara tujuan manusia dicipta ialah untuk memakmurkan bumi Allah SWT berdasarkan syariat Allah SWT.
- Terangkan **dua** cara manusia memakmurkan bumi mengikut syariat Allah SWT [4 markah]
- iii. Jelaskan **tiga** kesan yang akan berlaku sekiranya manusia mengabaikan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. [6 markah]
- (b) i. Akal merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan.
- Bincangkan cara anda mensyukuri nikmat akal. [4 markah]
- ii. Tahun 2020 dan 2021 merupakan tahun getir bagi negara kita Malaysia akibat daripada penularan pandemik covid 19. Kes meningkat dari hari ke hari sehingga menimbulkan kebimbangan di kalangan pemimpin dan rakyat.
- Sebagai pelajar yang bijak, bagaimanakah cara anda mencegah diri anda dari dijangkiti virus covid 19 ini. [4 markah]
2. (a) i. Sistem sosial Islam ialah sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain.
- Nyatakan **dua** adab dan etika berdasarkan Sistem Sosial Islam.[2 markah]
- ii. Senaraikan **empat** sumber utama Sistem Sosial Islam. [4 markah]
- iii. Sistem Sosial Islam mampu mewujudkan masyarakat yang saling hormat menghormati antara satu sama lain.
- Jelaskan **dua** aktiviti yang boleh dilaksanakan bagi mewujudkan masyarakat sedemikian . [4 markah]

(b)



RAJAH A

i. Siapakah **X** dalam rajah A di atas dan nyatakan **tiga** peranannya. [4 markah]

ii. Pada masa kini, ramai isteri mempunyai kerjaya yang hebat dan bergaji tinggi. Mereka menanggung lebih separuh daripada keperluan rumah tangga.

Pada pendapat anda, wajarkah perkara ini berlaku? Huraikan hujah anda.

[6 markah]

3. (a) i. Islam menggalakkan pergaulan yang memberikan manfaat dan mengambil kira batas-batas mahram dan jantina.

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan **dua** adab pergaulan dalam Islam.

[2 markah]

ii. Jelaskan **dua** kepentingan sifat mahmudah dalam pergaulan.

[4 markah]

(b) i. Hiburan dalam Islam merujuk kepada perkara yang mengembirakan hati dan selari dengan kehendak syarak.

Jelaskan **dua** kepentingan adab dan etika berhibur menurut Islam.

[4 markah]

ii. Sebagai pengelola sebuah konsert amal, terangkan **dua** garis panduan yang perlu dipatuhi supaya konsert tersebut selari dengan peraturan syarak. [4 markah]

iii. Antara adab dan etika kesenian menurut Islam ialah menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan.

Bagaimanakah usaha tersebut boleh dilaksanakan?

[6 markah]

4. (a) i. Islam merupakan agama yang sempurna, mencakupi semua bidang kehidupan manusia antaranya termasuklah bidang kehakiman.

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan **dua** prinsip kehakiman dalam Islam.

[2 markah]

ii. Senaraikan **empat** jenis kesalahan jenayah.

[4 markah]

iii. Antara prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan adalah kesaksian.

Jelaskan **dua** syarat kesaksian tersebut. [4 markah]

- (b) i. Islam sangat menitikberatkan perkara yang berkaitan dengan kelayakan dalam pelantikan hakim.

Terangkan **dua** peranan hakim supaya penghakiman berjalan dengan lancar dan sempurna. [4 markah]

- ii. Terdapat salah faham sebahagian masyarakat yang menyatakan bahawa hukum jenayah Islam bersifat zalim dan ketinggalan zaman.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan ulasan anda berserta rumusan. [6 markah]

5. (a) i. Nyatakan maksud pengurusan Islam. [2 markah]

- ii. Senaraikan **empat** ciri pentadbir dan pengurus yang baik. [4 markah]

- iii. Terangkan **dua** kesan mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat. [4 markah]

- (b) i. Jelaskan **dua** tindakan bagi merealisasikan tadbir urus Islam dalam organisasi. [4 markah]

- (c) Encik Imaduddine merupakan seorang pengarah di sebuah jabatan pentadbiran. Cadangkan tindakan yang perlu dilakukan oleh beliau dalam menangani isu-isu berikut berdasarkan tadbir urus Islam dalam sesebuah organisasi.

- i. Terdapat pekerja yang sering datang lewat ke tempat kerja.  
ii. Seorang pekerja di jabatan menunjukkan prestasi yang cemerlang [6 markah]

6. (a) i. Nyatakan maksud rakyat. [2 markah]

- ii. Berikan **empat** syarat untuk menjadi khalifah. [4 markah]

- iii. Jelaskan **dua** hak rakyat dalam sistem pemerintahan Islam. [4 markah]

- (b) i. Terangkan **dua** kesan pengabaian tanggungjawab khalifah. [4 markah]  
ii. Kepimpinan yang baik bakal membawa kemakmuran serta keamanan kepada negara manakala kepimpinan yang buruk dan zalim bakal memporak-perandakan negara.

Berikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [6 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**